

# Pekerja luar pantai salah guna dadah didenda, diawasi polis

**MIRI:** Seorang pekerja syarikat luar pantai didenda RM2,500 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh diletakkan di bawah pengawasan pihak polis selama tempoh dua tahun.

Patbenizer Joshua, 36, dari Golden Heigh, Jalan Airport di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda RM5,000 atau penjara dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasu-

kan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.50 pagi, 23 Februari tahun ini di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan memandangkan dia telah menyesal dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan serupa.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Randu Rangen, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.